

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT UMUM PEMENANG SAVE2WIN 2025, LANCAR SAVE2WIN 2026 DENGAN HADIAH UTAMA EMAS 1KG

Kuala Lumpur, 23 Januari 2026 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini mengumumkan **dua pemenang utama Kempen Save2Win 2025**, sekali gus melancarkan **Kempen Save2Win 2026** yang menawarkan hadiah utama dua jongkong emas seberat satu kilogram setiap satu, sebagai usaha berterusan menggalakkan amalan simpanan mampan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kempen Save2Win 2025 mencatat kejayaan memberangsangkan dengan penyertaan lebih 75,000 penyimpan. Kempen tersebut menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM3.5 juta, dengan dua kondominium mewah sebagai hadiah utama, di mana pemenang dipilih menerusi acara cabutan secara langsung semalam.

Dua penyimpan bertuah yang diumumkan sebagai pemenang utama Kempen Save2Win 2025 ialah penyimpan dari **Cawangan Kuantan, Kamruzaman Bin Mat Sham** dan **Cawangan Jalan Melaka, Rosmala Binti Zainal**.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, **Datuk Khairul Kamarudin** berkata pencapaian kempen tersebut mencerminkan tahap kepercayaan pelanggan yang kukuh terhadap produk simpanan patuh Syariah Bank Muamalat serta keberkesanan pendekatan ganjaran berasaskan disiplin kewangan.

“Save2Win 2025 bukan sekadar kempen ganjaran, tetapi satu inisiatif strategik untuk membudayakan amalan menabung secara konsisten dan berhemah. Kami mahu pelanggan melihat simpanan sebagai asas kestabilan kewangan jangka panjang, bukan hanya keperluan jangka pendek,” katanya.

Menurut beliau, kejayaan kempen itu turut mengukuhkan aspirasi Bank Muamalat untuk terus memainkan peranan sebagai rakan kewangan yang dipercayai, selari dengan nilai teras **‘Kehidupan Lebih Baik, Bersama’** yang menjadi tunjang setiap inisiatif bank.

Seiring dengan itu, Bank Muamalat turut melancarkan **Kempen Save2Win 2026**, yang akan berlangsung dari **1 Februari hingga 31 Disember 2026**, dengan tawaran hadiah keseluruhan bernilai hampir **RM3 juta** dan seramai **5,638 pemenang** bakal menerima pelbagai ganjaran menarik.

“Kempen Save2Win 2026 memberi peluang kepada lebih ramai penyimpan untuk menikmati ganjaran bermakna, termasuk dua pemenang utama yang bakal membawa pulang jongkong emas seberat satu kilogram setiap satu. Setiap simpanan bukan sahaja memberi nilai kepada masa depan kewangan pelanggan, tetapi turut membuka peluang kemenangan yang lumayan.

"Ia juga mencerminkan komitmen Bank Muamalat dalam memupuk budaya menabung dan perancangan kewangan yang lebih berstruktur dalam kalangan masyarakat. Melalui pendekatan yang inklusif dan berterusan, kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan kewangan yang berdisiplin, sekali gus membantu pelanggan membina daya tahan kewangan bagi menghadapi keperluan jangka panjang dan ketidakpastian ekonomi masa hadapan," tambah beliau.

Kempen Save2Win 2026 terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada Bank Muamalat, dengan penyertaan melalui produk simpanan patuh Syariah yang mudah diakses serta direka untuk menyokong perancangan kewangan yang lebih berhemah dan bertanggungjawab.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Save2Win 2026 dan produk-produk Bank Muamalat, layari www.muamalat.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat berhampiran.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.